



NOTA PENERANGAN

ZP 2019

(Tahun Taksiran 2018)

PENDAPATAN TAHUNAN	
A1	HASIL PENGGAJIAN
<p>Segala pendapatan yang diperoleh seseorang daripada majikannya hasil daripada usaha atau pekerjaan yang dilakukan untuk majikannya sama ada semasa berkhidmat, selepas berkhidmat atau selepas kematiannya (pencen terbitan) seperti : Gaji, Upah, Bonus, Tuntutan kerja lebih masa, Gratuiti, Pampasan, Pencen, Hadiah, Anugerah dan Insentif, Skim Pilihan Saham Pekerja (ESOS), Apa-apa yang bersumberkan perkhidmatan atau pengajian.</p> <p>Adapun pendapatan yang tidak dikenakan zakat seperti berikut: Tuntutan lojing, Tuntutan ke luar negara, Tuntutan keraian, Tuntutan perbatuan, Apa-apa tuntutan yang menggunakan pendahuluan wang pekerja. Ini ialah kerana ia sebagai ganti pendahuluan kos yang terpaksa ditanggung oleh individu dalam menjalankan tugas atau kerja yang dilakukan. Pendahuluan tersebut sudah termasuk di dalam pengiraan zakat pendapatan.</p> <p>Selain itu, apa juga elaun yang dibayar kepada pekerja yang tidak digunakan adalah termasuk dalam pendapatan yang dikenakan zakat.</p>	
A2	HASIL BEBAS
<p>Segala pendapatan yang diperoleh seseorang hasil daripada pekerjaan yang dilakukan atas usaha sendiri tanpa ada kaitan dengan pihak lain dalam bentuk kerja bebas atau perkhidmatan professional secara upah, bayaran, imbuhan, royalti, komisen dan sebagainya seperti : Bayaran yang diterima sebagai perkhidmatan konsultasi professional, Bayaran yang diterima oleh peguam atas khidmat guaman yang diberikan, Bayaran yang diterima arkitek atas khidmat yang diberikan, Bayaran yang diterima doktor klinik swasta atas rawatan yang diberikan, Bayaran projek yang diterima oleh kontraktor, Keuntungan projek bermusim, Komisen dan pendapatan sisa (residual income) – pendapatan dari jualan insurans, takaful, “unit trust”, broker dan seumpamanya, Bayaran royalti atau komisen yang diterima hasil penulisan, penerbitan, aktiviti seni dan sebagainya. Hasil tunai sekali-sekala seperti wang takaful matang dan pembiayaan semula aset, Bayaran-bayaran lain yang diterima atas perkhidmatan yang diberikan seumpama di atas.</p>	
A3	HASIL ASET TETAP
<p>Harta yang tetap induknya tetapi boleh berkembang dengan mendatangkan pendapatan melalui sewaan atau jualan hasilnya seperti : Hasil sewaan rumah, bangunan, kilang, premis perniagaan dan sebagainya, Hasil sewaan kenderaan atau pengangkutan, Hasil sewaan peralatan, aset atau sebagainya. Hasil jualan apa-apa yang dikeluarkan oleh binatang seperti susu, telur, madu dan sebagainya,</p> <p>Semua perusahaan pengangkutan yang digunakan untuk mendapatkan keuntungan, Ciptaan dan Harta Interlek yang disewakan seperti hak cipta, paten, cap dagangan, reka cipta perindustrian dan seumpamanya, Perusahaan ternakan yang induk betina tidak dijual, Perusahaan pertanian kekal seperti getah, kelapa sawit, durian dan sebagainya yang pokok dan tapaknya tidak dijual, Perusahaan lain yang aset tetapnya tidak dijual.</p>	

HAD KIFAYAH ISI RUMAH

B1

DIRI SENDIRI (Bujang @ Berkahwin)

(a) Ketua Keluarga :

Pencari nafkah utama (mampu bekerja) sama ada Bujang (Lelaki/Wanita) atau Suami/Isteri kepada suami yang tidak berupaya/Ibu tunggal/Anak yang bekerja sekiranya ibubapa tidak berupaya.

Tambahan :

- i. Bagi ISTERI yang menjadi pencari nafkah utama dalam keluarga adalah **LAYAK** mendapat tolakan untuk kategori B3 : PASANGAN TIDAK BEKERJA dengan maksud : (Suami yang tidak mampu bekerja disebabkan halangan yang berpanjangan seperti sakit kronik, cacat fizikal dan mental, cedera anggota badan yang menyebabkan tidak boleh bekerja).
- ii. Bagi BUJANG (lelaki atau wanita) adalah **TIDAK LAYAK** mendapat tolakan untuk kategori B2, B3, B4, B5 Dan B6 : PASANGAN BEKERJA, PASANGAN TIDAK BEKERJA, ANAK 0-6 TAHUN, ANAK 7 TAHUN KE ATAS DAN ANAK 18 TAHUN KE ATAS YANG MENYAMBUNG PENDIDIKAN LANJUTAN.
- iii. Bagi yang menanggung atau menyara Ibubapa, pelepasan tambahan diberikan di Bahagian C : Had Kifayah Bersyarat (C3)
**bergantung kepada baki pendapatan serta kewajipan tanggungan*

(b) Isteri Bekerja

Wanita berkahwin yang bekerja dan suaminya mempunyai pendapatan. Tolakan yang layak adalah sebanyak RM 6,000 dan tolakan untuk item Lebihan Tanggungan Suami (B1c).

Tambahan :

- i. **TIDAK LAYAK** mendapat tolakan untuk kategori B2, B3, B4, B5 dan B6 : PASANGAN BEKERJA, PASANGAN TIDAK BEKERJA, ANAK 0-6 TAHUN, ANAK 7 TAHUN KE ATAS DAN ANAK 18 TAHUN KE ATAS YANG MENYAMBUNG PENDIDIKAN LANJUTAN.

(c) Lebihan Tanggungan Suami

Jumlah pelepasan yang boleh dipindahkan kepada ISTERI BEKERJA kerana pendapatan tahunan suami rendah berbanding kos sara hidup yang wajib ditanggung iaitu kos perbelanjaan anak-anak serta kos penjagaan kesihatan sakit kronik untuk isi rumah.

Untuk mengetahui jumlah tersebut, sila pastikan pihak Suami terlebih dahulu membuat taksiran zakat pendapatan melalui etaksir.zakatpahang.my, Borang ZP 2019 – Tahun Taksiran 2018 atau hubungi pejabat Pusat Kutipan Zakat Pahang yang berhampiran.

B2	PASANGAN BEKERJA
Isteri yang bekerja	
B3	PASANGAN TIDAK BEKERJA
<p>Isteri yang tidak bekerja</p> <p>Atau</p> <p>Suami yang tidak berupaya.</p> <p>Maksud tidak berupaya adalah tidak memiliki punca pendapatan disebabkan halangan yang berpanjangan seperti sakit kronik, cacat fizikal dan mental, cedera anggota badan yang menyebabkan tidak boleh bekerja.</p>	
B4	ANAK 0-6 TAHUN
Bersekolah serta dalam penjagaan dan pendidikan diuruskan oleh pihak lain atau tidak bersekolah serta mempunyai urusan penjagaan domestik.	
B5	ANAK 7 TAHUN KEATAS
Bersekolah atau tidak bersekolah dan tidak mempunyai pendapatan.	
B6	ANAK 18 TAHUN KE ATAS (PENDIDIKAN LANJUTAN)
Anak yang menerima pendidikan lanjutan dan tidak mempunyai pendapatan contohnya : Belajar di IPTA/IPTS/Institusi kemahiran dan sebagainya.	

HAD KIFAYAH BERSYARAT

C1

KOS RAWATAN SAKIT KRONIK (ISI RUMAH – Diri Sendiri, Isteri dan Anak-anak)

lalah perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, pulmonary hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan / atau tangan.

Pelepasan ini dibenarkan sebagai potongan hanya terhad kepada RM2,400* sahaja yang meliputi isi rumah.

**Amaun maksimum ini termasuk Kos Rawatan Sakit Kronik Selain Isi Rumah*

Sekiranya pendapatan suami tidak mencukupi untuk menanggung Kos Rawatan Sakit Kronik ini, maka Isteri Bekerja layak mengambil jumlah lebihan yang tidak mencukupi tersebut ke Bahagian C1 bagi taksiran zakat Isteri Bekerja.

C2

KOS RAWATAN SAKIT KRONIK (SELAIN ISI RUMAH – Ibu Bapa, Adik Beradik dan sebagainya)

Perbelanjaan perubatan kronik termasuk kos rawatan. Pelepasan ini dibenarkan sebagai potongan hanya terhad kepada RM2,400* sahaja yang meliputi Ibu Bapa, Adik Beradik, Anak Saudara dan lain-lain kaum kerabat yang berada dibawah tanggungan wajib bagi dirinya.

**Amaun maksimum ini termasuk Kos Rawatan Sakit Kronik Isi Rumah*

C3

PEMBERIAN WAJIB KEPADA IBU BAPA

Individu yang **LAYAK** menuntut pelepasan ini adalah Anak Kandung atau Anak Angkat yang sah di bawah undang-undang samada berkahwin atau bujang yang menanggung dan menyara kedua ibu bapanya. Manakala Nafkah atau wang yang diberi kepada kedua ibu bapa mestilah secara konsisten atau berterusan dalam tahun taksiran.

Tambahan :

Sekiranya jumlah yang diberikan tidak dapat dipastikan, maka jumlah minimum yang akan diambil kira sebagai kiraan. Sebagai contoh, pelbagai amaun diberi pada setiap bulan, jika tidak dapat dipastikan jumlahnya, maka amaun yang minimum akan diambil kira untuk kiraan tersebut.

Sekiranya baki pendapatan individu tersebut tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang wajib ditanggung (Had Kifayah Isi Rumah & Selain Isi Rumah), maka individu tersebut tidak layak mendapat pelepasan di bahagian ini berdasarkan keutamaan tanggungjawab pemberian nafkah keluarga yang dimulai dengan Diri Sendiri, Isteri & Anak-anak, sekiranya ada lebihan baru Ibu Bapa.

PENYELARASAN

D1

CARUMAN KWSP / LTAT

Individu yang mencarum caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan seumpama dengannya **LAYAK** untuk membuat tolakan dalam kiraan Zakat Pendapatan kerana kedua-dua caruman tersebut akan dikenakan zakat secara berasingan (Zakat Wang Simpanan).

D2

CARUMAN DI INSTITUT YANG MEMBAYAR ZAKAT BAGI AHLI

Individu yang menyimpan atau mencarum di institusi yang telah membayar zakat bagi pihak penyimpan atau pencarum **LAYAK** untuk mendapat pelepasan dalam kiraan zakat pendapatan kerana simpanan atau caruman tersebut telah dibayar zakatnya.

Sebagai contoh : Lembaga Tabung Haji, Koperasi-koperasi yang membayar zakat bagi ahlinya (sila dapatkan maklumat tersebut di koperasi masing-masing).

TAKSIRAN

E1

JUMLAH PENDAPATAN YANG LAYAK DITAKSIR (A4-D1)

Ialah jumlah keseluruhan amaun pendapatan yang layak di taksir zakat iaitu jumlah Pendapatan Setahun (**A4**) ditolak Caruman KWSP/LTAT (**D1**).

Caruman KWSP/LTAT ditolak kerana kedua-duanya dikenakan zakat secara berasingan iaitu Zakat Wang Simpanan.

CONTOH :

Jumlah Pendapatan Setahun RM 60,000
Caruman KWSP setahun - RM 6,600

RM 53,400

Jumlah pendapatan yang layak ditaksir (A4-D1) adalah RM 53,400

E2

JUMLAH PELEPASAN HAD KIFAYAH ISI RUMAH (B7+C1)

Ialah jumlah keseluruhan Had Kifayah yang boleh ditolak oleh suami iaitu Had Kifayah Isi Rumah dan Had Kifayah Bersyarat (Penjagaan Kesihatan Sakit Kronik Isi Rumah).

CONTOH :

Jumlah Keseluruhan Had Kifayah Isi Rumah RM 27,000
Jumlah Had Kifayah Bersyarat (C1) +RM 1,200

RM 28,200

Jumlah pelepasan Had Kifayah Isi Rumah (B7+C1) adalah RM 28,200

Tambahan,

Sekiranya berlaku amaun pendapatan suami tidak mencukupi untuk menanggung kos di bahagian ini maka amaun negatif tersebut boleh dibawa kepada Isteri (sebagai tolakan had kifayah di B1c). Sila rujuk penjelasan E3

E3	JUMLAH PELEPASAN YANG BOLEH DIPINDAH KEPADA ISTERI SEKIRANYA NEGATIF (E1-E2)						
<p>ialah jumlah keseluruhan pendapatan yang layak ditaksir (E1) ditolak jumlah pelepasan Had Kifayah Isi Rumah (E2).</p> <p>Bagi pendapatan suami yang tidak mencukupi untuk menanggung perbelanjaan Had Kifayah Isi Rumah, Kos Perbelanjaan (Negatif) tersebut boleh dipindahkan kepada Isteri Bekerja sebagai tolakan tambahan baginya.</p> <p>CONTOH :</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Jumlah keseluruhan E1</td> <td>RM 23,400</td> </tr> <tr> <td>Jumlah keseluruhan E2</td> <td>- RM 25,800</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="border-top: 1px dashed black;">- RM 2,400</td> </tr> </table> <p><i>Sekiranya amaun di bahagian ini tidak negatif maka TIDAK LAYAK dipindah kepada isteri.</i></p> <p>Tambahan,</p> <p>Sekiranya suami mempunyai Isteri Bekerja lebih daripada (1), maka jumlah tersebut hendaklah dibahagikan mengikut persetujuan Bersama atau hanya (1) Isteri Bekerja sahaja yang boleh mendapat tolakan tersebut.</p>		Jumlah keseluruhan E1	RM 23,400	Jumlah keseluruhan E2	- RM 25,800		- RM 2,400
Jumlah keseluruhan E1	RM 23,400						
Jumlah keseluruhan E2	- RM 25,800						
	- RM 2,400						
E4	JUMLAH PELEPASAN KESELURUHAN YANG LAYAK (B7+C4)						
<p>Ini merupakan jumlah keseluruhan pelepasan yang boleh ditolak bagi Pencari Nafkah Utama (sekiranya ada/layak)</p> <p>CONTOH:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td>Had Kifayah Isi Rumah</td> <td>RM 27,000</td> </tr> <tr> <td>Had Kifayah Bersyarat</td> <td>+ RM 6,600</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="border-top: 1px dashed black;">RM33,600</td> </tr> </table> <p><i>Jumlah keseluruhan Had Kifayah Isi Rumah & Isi Rumah Bersyarat (B7+C4) adalah RM33,600</i></p>		Had Kifayah Isi Rumah	RM 27,000	Had Kifayah Bersyarat	+ RM 6,600		RM33,600
Had Kifayah Isi Rumah	RM 27,000						
Had Kifayah Bersyarat	+ RM 6,600						
	RM33,600						

E5	BAKI PENDAPATAN UNTUK DIKIRA ZAKAT (E1-E4)								
<p>Ini merupakan kiraan bagi jumlah keseluruhan pendapatan yang layak ditaksir (E1) ditolak jumlah pelepasan keseluruhan yang layak iaitu Had Kifayah Isi Rumah & Had Kifayah Bersyarat.</p> <p>CONTOH:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="padding-right: 20px;">Jumlah Keseluruhan E1</td> <td style="text-align: right;">RM 53,400</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keseluruhan E4</td> <td style="text-align: right;">- RM 33, 600</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">-----</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM 19,800</td> </tr> </table>		Jumlah Keseluruhan E1	RM 53,400	Jumlah Keseluruhan E4	- RM 33, 600		-----		RM 19,800
Jumlah Keseluruhan E1	RM 53,400								
Jumlah Keseluruhan E4	- RM 33, 600								

	RM 19,800								
E6	NISAB ZAKAT 2018 (WAJIB ZAKAT JIKA BAKI SAMA@MELEBIHI NISAB)								
<p>Nisab ialah kadar minima yang ditetapkan Syarak untuk mewajibkan zakat.</p> <p>Nisab Zakat Pendapatan bagi tahun taksiran 2018 ialah : RM 14,015.21</p>									

ZAKAT	
F1	ZAKAT (E5 X 2.5%)
<p>Ini merupakan jumlah keseluruhan zakat yang perlu dibayar oleh individu yang wajib berzakat.</p>	
F2	ZAKAT YANG TELAH DIBAYAR (D2 X 2.5%)
<p>Ini merupakan amaun zakat yang telah dibayar oleh institusi-institusi yang membayar zakat bagi ahlinya/pencarum.</p> <p>Contoh: Tabung Haji, Koperasi-koperasi yang membayar zakat bagi ahlinya (sila dapatkan maklumat tersebut di koperasi masing-masing</p>	
F3	BAKI ZAKAT YANG PERLU DIBAYAR (F1-F2)
<p>Ini merupakan amaun zakat yang perlu dibayar kepada Pusat Kutipan Zakat Pahang setelah ditolak amaun zakat yang telah dibayar (F2).</p>	

TAKRIF HAD KIFAYAH	
ISTILAH	Had al – Kifayah adalah kadar (keupayaan ekonomi) yang selayaknya bagi menjamin kelangsungan kehidupan seorang individu serta mereka yang di dalam tanggungannya. Ia bukan sekadar penentuan had minimum semata-mata tetapi ia menjangkaui persoalan tahap yang selayaknya bagi memastikan kelangsungan kehidupan seseorang serta tanggungannya
ITEM HAD KIFAYAH	
1	MAKANAN
<p>Penentuan item Makanan mengambil kira makanan dan minuman yang diperlukan oleh seseorang individu bagi tujuan kelangsungan hidup dan berdasarkan keperluan kesihatannya. Penentuan ini merangkumi seseorang itu bukan hanya memerlukan nasi/beras (makanan ruji negara Malaysia) sahaja untuk makan, tetapi juga memerlukan makanan tambahan seperti daging, ikan, sayuran, buah-buahan dan air. Set makanan yang lengkap adalah dituntut oleh Islam bagi membolehkan seseorang Islam itu mendapat nutrisi yang diperlukan oleh badannya yang menjadikannya sihat untuk melakukan ibadah kepada Allah.</p>	
2	PAKAIAN
<p>Penentuan item Pakaian mengambil kira bahan keperluan bagi menutup aurat seseorang yang juga merupakan tuntutan agama. Penentuan ini merangkumi keperluan untuk mendapatkan pakaian yang mencukupi dan memenuhi fungsi yang ditentukan. Jenis pakaian asas adalah terdiri daripada baju, seluar dan kasut yang bersesuaian dengan situasi dan pekerjaan masing-masing tanpa berlebih-lebihan.</p>	
3	RUMAH KEDIAMAN
<p>Penentuan item Rumah mengambil kira rumah sebagai tempat manusia berlindung untuk keselamatan dan keselesaan hidup. Penentuan ini merangkumi penyediaan sebuah rumah kediaman bagi semua ahli keluarga yang ditanggungnya. Jenis dan saiz rumah kediaman pula berdasarkan kepada keperluan seseorang atau sesebuah keluarga. secara garis panduannya adalah rumah yang mempunyai tidak kurang dari tiga bilik tidur dan beberapa bilik lain untuk kegunaan keluarga secara pembelian atau sewaan.</p>	
4	PENJAGAAN KESIHATAN
<p>Penentuan item Penjagaan Kesihatan mengambil kira kos perubatan yang ditawarkan oleh klinik dan hospital kerajaan dan juga swasta untuk penyakit dan bentuk rawatan yang ringan termasuk juga penggunaan insuran rawatan perubatan. Penentuan ini juga merangkumi kos mendapatkan rawatan.</p>	

5	PENGANGKUTAN
<p>Penentuan item Pengangkutan mengambil kira sebagai pengangkutan ialah kenderaan sebagai keperluan yang digunakan bagi pergerakan dari rumah ke tempat kerja. Kenderaan digunakan bagi mendapatkan nafkah diri dan keluarga dan dalam konteks had kifayah, penentuannya merangkumi kos penggunaan minyak, penyelenggaraan dan cukai, sesuai dengan keperluan tanpa berlebih lebihan.</p>	
6	UTILITI
<p>Penentuan item Utiliti mengambil kira penyediaan keperluan asas serta perkhidmatannya bagi setiap kediaman yang perlu disediakan, Keperluan asas bagi setiap rumah pada masa ini ialah elektrik, air, gas memasak dan telefon. Pekara di atas dikategorikan sebagai utiliti. Penentuan ini merangkumi keperluan sesebuah keluarga, dan kos utility ini adalah berdasarkan saiz/ tanggungan yang tinggal di sesuatu kediaman tertentu bagi memenuhi keperluan hidup mereka.</p>	
7	PENDIDIKAN
<p>Penentuan item Pendidikan mengambil kira sesebuah keluarga, peruntukan perbelanjaan persekolahan dan kos pembelajaran individu. Keperluan merangkumi juga meliputi pelbagai keperluan persekolahan bagi anak seperti pakaian sekolah (baju, seluar, kasut dan beg), alat tulis/buku, yuran sekolah, PIBG dan sumbangan lain, duit belanja harian, tambang bas sekolah(berdasarkan keperluan) termasuk juga kos tuisyen.</p>	
8	KOMUNIKASI
<p>Penentuan item Komunikasi mengambil kira kos perhubungan menggunakan telefon mudah alih atau peranti berinternet yang menjadi keperluan masyarakat. Penentuan dalam kategori ini termasuk juga akses kepada internet kerana ia merupakan perkhidmatan yang merangkumi hampir setiap kategori keperluan hidup.</p>	
9	SARAAN MODEN
<p>Maksud saraan moden ialah perbelanjaan khusus yang dibelanjakan oleh ketua keluarga kepada diri sendiri dan tanggungannya. Ini termasuklah perbelanjaan harian tambahan yang diperlukan oleh ketua keluarga/ suami isteri yang bekerja di luar. Penentuan ini juga mengambil kira kos perbelanjaan bagi sarapan dan makan tengahari dalam tempoh mereka bekerja dan perbelanjaan makan di luar bersama keluarga.</p>	